

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan ke daerah Penampang sejak Jun 2013 ke Ogos 2017 sebab dalam setiap perjumpaan bersama masyarakat kampung di daerah Penampang, kami sentiasa dimaklumkan bahawa Pihak JKKK, Pihak PBT dan Pejabat Daerah Penampang selalu menyatakan bahawa banyak kerja pulih atau kerja pembaikan parit, jalan kampung atau kerja-kerja yang diperlukan tidak dapat dilaksanakan atas sebab tidak ada peruntukan dan bagaimanakah Kerajaan telah mengagihkan rumah-rumah PPRT atau pembinaan rumah skim murah di daerah Penampang.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan kepada daerah Penampang, Sabah sejak tahun 2013 sehingga 2017 adalah sebanyak RM270.61 juta yang melibatkan pelbagai program dan projek.

TAHUN	PERUNTUKAN (RM JUTA)	BIL PROJEK
2013	19.30	11
2014	34.82	8
2015	46.28	6
2016	73.92	17
2017	96.29	14
JUMLAH	270.61	56

Sekian, terima kasih.